

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 28

## Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 2.6 peratus

### Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 2.6 peratus

Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) mengunjur ekonomi Malaysia bagi keseluruhan tahun ini berkembang perlahan, iaitu hanya 2.6 peratus berikutan pertumbuhan eksport yang semakin menurun.

Jangkaan bagi keseluruhan tahun itu jauh lebih rendah berbanding unjuran rasmi kerajaan dalam Belanjawan 2023, iaitu pada 4.5 peratus dan Bank Negara Malaysia (BNM), iaitu antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus.

ICAEW berkata, sebelum ini Malaysia menikmati manfaat besar daripada peningkatan permintaan global komoditi dan barangan elektronik pada 2021

serta pada separuh pertama 2022, namun peralihan pasca pandemik dari sudut barangan dan semikonduktor global akan menjejaskan eksport negara.

Jelasnya, pada suku pertama 2023, jumlah eksport merosot 8.9 peratus suku ke suku, berikutan penurunan 5.2 peratus pada suku sebelumnya.

"Perangkaan perdagangan terkini mencadangkan satu lagi kejatuhan magnitud sedemikian adalah tidak mungkin, dengan nilai eksport susut pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.6 peratus pada Mei.

"Namun, pembetulan dalam eksport akan mengheret permintaan domestik, mengekang

pelaburan perniagaan dan perbelanjaan pengguna memandangkan pekerjaan dan pertumbuhan gaji sederhana," katanya dalam satu kenyataan.

#### Pelaburan swasta

ICAEW berkata, aktiviti pelaburan juga akan terus berdepan tekanan dengan berada sekitar sembilan peratus di bawah paras prapandemik sebahagiannya disebabkan oleh aliran menurun struktur dalam pelaburan awam.

Namun, katanya, pelaburan swasta yang masih belum mencapai paras 2019, tiga tahun selepas pandemik melanda, membuka ruang untuk sektor pembinaan pulih.

"Penggunaan swasta di Asia Tenggara secara tidak dijangka menyaksikan trend memuaskan pada awal 2023, kecuali di Singapura dan Vietnam yang momentumnya perlahan.

"Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, dengan kadar pertumbuhan 5.6 peratus pada suku pertama 2023, berikutan pertumbuhan kukuh 7.1 peratus pada suku keempat 2022. Penggunaan swasta berkembang pada suku pertama, manakala komponen lain menurun.

"Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi kekal kecil sedikit berbanding enam bulan lalu. Menuju ke hadapan, persekitaran luaran akan memainkan

peranan penting dalam membentuk trajektori ekonomi Malaysia," katanya.

ICAEW menjangkakan ekonomi Malaysia akan berkembang kepada 4.5 peratus pada 2024, menandakan kembalinya secara beransur-ansur kepada kadar pertumbuhan purata prapandemik kira-kira 5.0 peratus dalam tempoh lima tahun.

Mengenai inflasi, selepas memasukkan rasionalisasi subsidi bahan api, ia menjangkakan inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia 2.8 peratus pada 2023, lebih rendah berbanding 3.4 peratus tahun sebelumnya dan penurunan seterusnya kepada 1.7 peratus pada 2024.